

**KAJIAN TERHADAP REKABENTUK PERALATAN PERMAINAN GASING
TRADISIONAL DAN POTENSINYA DIPERINGKAT ANTARABANGSA**

**NORHAYATI BINTI CHE DAUD
92787430**

**DIPLOMA SENI REKA PERINDUSTRIAN
KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
1996**

PENGHARGAAN

Dengan nama ALLAH s.w.t yang Maha Pemurah lagi amat Mengasihani.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah memberikan kerjasama dan perangsang secara langsung mahupun tidak langsung kepada saya hingga terlaksananya tesis ini.

Kepada ibu tercinta, yang telah berkorban tenaga dan wang ringgit demi kejayaan anaknya. Keluarga tersayang dan rakan-rakam .

Untuk Saharudin Busri yang sentiasa memberikan semangat, galakkan dan bantuan yang tidak terhingga. Semoga Allah s.w.t sahaja yang dapat membalas segala budi dan jasa mereka.

SINOPSIS

Malaysia, kaya dengan khazanah yang begitu tinggi nilainya . Dari hasil buminya hinggalah kepada adat dan budaya, suku kaum yang berbilang bangsa menjadikannya sebagai tempat yang dapat menarik perhatian dunia.

Dengan arus permodenan yang berkembang pesat, pelbagai perubahan yang ketara telah berlaku. Terdapat adat dan budaya yang suatu ketika dahulu begitu mashyur tetapi kini kian dilupakan.

Permainan tradisional yang dahulunya menjadi penyambung persahabatan dan budaya antara satu sama lain hampir mengalami kepupusan akibat menularnya pengaruh permainan barat yang memenuhi pasaran bagaikan "cendawan yang tumbuh selepas hujan".

**REKABENTUK PERALATAN PERMAINAN GASING
TRADISIONAL DAN POTENSINYA DI PERINGKAT
ANTARABANGSA.**

JADUAL KANDUNGAN

Halaman Pemeriksa	ii
Penghargaan	iii-v
Sinopsis	vi-vii
Jadual Isi Kandungan	viii-xii
Senarai Gambar	xiii-xv
Senarai Sisipan	xvi

BAB SATU

1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	3
1.3 Metodologi Kajian	5
1.4 Hipotesis	7

1.1 Pengenalan

Masyarakat tempatan dahulu, terutamanya orang Melayu, kaya dengan adat dan budaya yang didapati sejak zaman peninggalan nenek moyang mereka lagi.

Kehidupan yang sederhana sebagai petani, peneroka hutan dan nelayan merupakan punca rezeki bagi menampung keperluan hidup sekeluarga. Setelah penat membanting tulang, mereka juga ingin berehat serta bergembira tanpa membazir waktu. Dari sinilah mereka memikirkan cara menggunakan bahan terbuang yang terdapat disekeliling mereka dengan sebaik mungkin.

Berbekalkan daya kreativiti, kesungguhan dan ide, mereka berusaha mencipta peralatan permainan dengan sendiri memandangkan pasaran alat permainan sukar diperolehi pada masa itu.